

5 universiti pamer ‘taring’

■ Tersenarai antara 400 terbaik dalam kedudukan ranking dunia 2014



KUALA LUMPUR



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Oleh Yusliza Yakimir

Abd Talib

yusliza@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Strategi yang dibina kerajaan sejak lima hingga 10 tahun lalu menunjukkan keberhasilan dan kejayaan selepas lima universiti awam negara melonjak kedudukan dalam Kedudukan Universiti Dunia QS 2014.

Menteri Pendidikan II Datuk Seri Idris Jusoh berkata, kelima-kelima universiti berkenaan iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan

Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang mendapat tempat antara 400 terbaik dunia diseru supaya meneruskan usaha menambah baik sebagai pusat penjana ilmu demi kesejahteraan rakyat dan negara.

“Tahniah diucapkan kepada Naib Canselor, pengurusan dan pensyarah kelima-lima universiti berkenaan atas kejayaan melonjakkan kedudukan dalam kedudukan ini”.

Idris Jusoh

Tahniah diucapkan kepada Naib Canselor, pengurusan dan pensyarah kelima-lima universiti berkenaan atas kejayaan melonjakkan kedudukan dalam kedudukan ini”.

“Kelima-lima universiti ini berstatus Universiti Penyelidikan. Ternyata strategi yang dibina lima hingga 10 tahun lalu menunjukkan keberhasilan dan kejayaan,” katanya menerusi laman sosial Twitternya semalam.

UM berjaya melonjakkan kedudukan tempat ke-151 dunia berbanding tempat ke-167 tahun lalu menerusi senarai baru ini.

Selain itu, UKM memperbaiki kedudukan daripada tempat ke-269 tahun lalu kepada tempat ke-259 tahun ini diikuti UTM yang berada di tang-

ga ke-294, naik 60 kedudukan berbanding tahun lalu.

Manakala USM dan UPM masing-masing berada di tangga ke-309 dan ke-376. Kedua-dua universiti itu memperbaiki kedudukan dari tempat ke-355 (USM) dan 411 (UPM) tahun lalu.

Kriteria yang digunakan QS termasuklah reputasi akademik, reputasi majikan, kadar pelajar kepada fakulti, artikel setiap fakulti, petikan setiap artikel, pengantarabangsaan, dan program pertukaran pelajar.